

PERANAN AGENSI-AGENSI YANG TERLIBAT DALAM PERKEMBANGAN  
SEKTOR PELANCONGAN DI NEGERI MELAKA ;  
TINJAUAN DARI ASPEK PENGHARAPAN PELANCONG

OLEH

LATT SHARIMAN ABDULLAH

AMIRRUDIN MUHAIYYIDIN

FAUZIAH MD JADI

ROHAYU ABD GHAEFFAR

Kertas Projek ini dikemukakan kepada  
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang  
Institut Teknologi MARA cawangan Melaka  
bagi memenuhi sebahagian dari syarat  
untuk memperolehi  
Diploma Pentadbiran Awam

14 APRIL 1990

## PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan ribuan terimakasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa individu yang tanpa mereka beberapa maklumat penting telah tidak dapat kami perolehi.

Mereka adalah :

- En Abd Rahman dari Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
- En Abd Rashid dari Biro Penerangan, Jabatan Penerangan Melaka
- Cik Zaini dari Unit Perancang Ekonomi Melaka
- Unit Polis Pelancongan Melaka Pusat
- Malacca Tourist Information Centre

Tidak dilupakan juga kepada peniaga-peniaga warung dan gerai di Ayer Keroh dan Bandar Hilir, peniaga-peniaga barang antik di Jalan Hang Jebat dan pemandu-pemandu pelancong yang telah sempat kami temubual.

Akhir sekali kami ingin mengucapkan terimakasih kepada penasihat kertas projek ini En Haron Wee Ah Boo yang telah banyak membantu dan menasihati disepanjang kajian ini dibuat serta terimakasih kepada kedua orang penyelia

kami En Shahrudin dan En Mohd Nor di atas segala teguran dan tunjuk ajar mereka.

Tanpa kerjasama dari semua yang terlibat seperti yang disenaraikan di atas maka kertas kajian ini kemungkinan telah tidak dapat menjadi kenyataan.

Pisang emas dibawa belayar  
Masak sebiji di atas peti

Hutang emas boleh dibayar  
Hutang budi dibawa mati

## ABSTRAK

Melaka sesungguhnya mempunyai potensi dan masa hadapan yang amat cerah di dalam industri pelancongan. Oleh kerana itulah maka kerajaan telah memberikan keutamaan kepada pembangunannya di dalam perancangan ekonomi negeri untuk Rancangan Mayasia Kelima.

Kerajaan telah menjalankan usaha yang bersungguh untuk membangunkan infrastruktur, menyediakan kemudahan asas, membina kawasan-kawasan rekreasi baru dan mencari serta mengenal pasti potensi-potensi pusat tarikan pelancong yang baru. Kesemuanya ini adalah untuk menarik seberapa ramai pelancong luar dan dalam negeri untuk melancong ke negeri Melaka.

Disamping itu, badan-badan swasta juga memainkan peranan yang tersendiri dalam usaha untuk menarik para pelancong ini.

Sekiranya kesemua usaha-usaha kerajaan dan swasta ini menemui hasil yang positif, maka, impian untuk menarik 4 juta orang pelancong di Malaysia untuk Tahun Melawat Malaysia 1990 ini akan berjaya. Ditambah pula sekiranya tercapainya cita-cita kerajaan Melaka supaya kesemua

pelancong luar negeri yang melawat Malaysia juga melawat Melaka.

Melalui penyelidikan ini dapatlah dikatakan bahawa strategi dan usaha penarikan pelancong di Melaka masih lagi boleh dipertingkatkan terutama sekali sekiranya ia di tinjau dari aspek pengharapan pelancong itu sendiri.